

MT UMNO batal hukuman 7 ahli

Oleh ZULKIFLI JALIL dan YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 9 Mac — Majlis Tertinggi (MT) UMNO membatalkan hukuman ke atas tujuh daripada 27 ahli parti yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin kerana melanggar peraturan parti termasuk terbabit dalam politik wang pada pemilihan bahagian tahun lalu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebanyak 10 lagi diringankan hukuman manakala bakinya dikekalkan tindakan disiplin masing-masing.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan jawatan ahli yang dibatalkan atau diringankan hukuman kerana Ibu Pejabat parti belum memaklumkan kepada mereka secara bertulis.

Mingguan difahamkan antara yang dibebaskan daripada hukuman ialah Ketua UMNO Bahagian Jelutong, Mohd. Nor Hussain dan Ketua UMNO Bahagian Muar, Abdul Ma-

lek Munip. Sementara Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Kamarudin Md. Nor yang digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan dalam parti selama tiga tahun, kini diberi amaran manakala Abdullah Omar yang digantung akan haknya selama enam tahun, dikurangkan hukuman kepada tiga tahun.

Abdullah yang memenangi jawatan Ketua UMNO Bahagian Muar didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin, sebelum tempatnya diisi oleh Abdul Malek, yang kemudian turut didapati bersalah.

"Sekretariat Rayuan telah membuat penelitian dan memberi pandangan mengenai kes yang perlu diringankan khususnya mereka yang diberi amaran.

"MT sebagai Jawatankuasa Rayuan mendapati bahawa amaran adalah hukuman yang tidak perlu kerana mereka didapati tidak bersalah," kata Dr. Mahathir kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO

Khas di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Sekretariat Rayuan yang dipengerusikan oleh Datuk Mohd. Zuki Kamaluddin sebelum ini telah membuat analisis terhadap rayuan daripada anggota parti yang dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin sebelum dikemukakan kepada MT untuk diperakukan.

Tahun lalu, Lembaga Disiplin menghukum 36 pemimpin UMNO termasuk 10 ketua bahagian setelah mendapati mereka bersalah melanggar tata etika semasa pemilihan peringkat bahagian.

Mereka digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan dalam parti antara tiga hingga enam tahun.

Bagaimanapun, daripada 32 ahli itu, hanya 27 telah mengemukakan rayuan masing-masing kepada sekretariat rayuan.

Menurut Dr. Mahathir, mesyuarat hari ini turut memutuskan bahawa ahli parti yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin

perlu melepaskan jawatar dalam parti dan kerajaan.

Sebaliknya, ia tidak tertakluk kepada jawatar yang disandang dalam syarikat.

"MT berpendapat semua jawatan politik yang dipegang oleh orang yang didapati bersalah tertakluk kepada hukuman yang dijatuhkan. Kalau enam tahun dijatuhkan hukuman maka selama enam tahunlah dia digantung (hak memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan). Kalau pegang jawatan dalam Exco, itu juga tertakluk kepada hukuman," katanya.

Selain Mohd. Nor, Abdul Malek, Kamarudin dan Abdullah, enam lagi ketua bahagian yang didapati bersalah sebelum ini ialah Datuk Zainol Mohd. Isa (Baling), Datuk Abdul Azim Mohd. Zabidi (Bukitintang), Mustafa Kamal Mohd. Nawi (Gopeng), Datuk Yahaya Lampong (Tanjung Aru), Jelani Hamdan (Bandau) dan Datuk Mohd. Yusof Amat Jamlee (Silam).